

**ORIENTASI PERUBAHAN SOSIO-EKONOMI NELAYAN
TERHADAP PERALIHAN CARA HIDUP.
KES KAJIAN : PENEMPATAN SEMULA NELAYAN
KANDIS, BACHOK.**

Oleh

ISMAIL BIN DAUD

**Satu Tesis Yang Disediakan Untuk Memenuhi
Sebahagian Dari Syarat Untuk Penganugerahan
DIPLOMA LANJUTAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH**

**Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur
Institut Teknologi MARA
SHAH ALAM**

April 1985

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN & UKUR
JABATAN PERANCANG BANDAR & WILAYAH

Adalah disyorkan bahawa tesis ini yang disediakan oleh

ISMAIL BIN DAUD

bertajuk ORIENTASI PERUBAHAN SOSIO-EKONOMI

NELAYAN TERHADAP PERALIHAN CARA HIDUP.

KES KAJIAN : PENEMPATAN SEMULA NELAYAN KANDIS, BACHOK.

dibawah penyeliaan saya/kami diterima sebagai memenuhi
sebahagian dari syarat untuk Diploma Lanjutan Perancang
Bandar dan Wilayah.

Diluluskan oleh:



PUAN HAFAZAH BT. HJ. AB. KARIM
(PENYELIA)

13/5/85

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Puan Hafazah bt. Hj. Ab. Karim, kerana tunjuk ajar serta tenaga yang tidak ternilai di dalam membantu menyiapkan latihan ilmiah ini.

Terima kasih juga kepada semua kakitangan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Kelantan di atas sokongan serta bantuan yang diberi, terutama sekali kepada Miss Tan Bee Chit yang sudi menaipkan Latihan Ilmiah ini dengan jayanya. Tidak lupa juga penghargaan diberi kepada penduduk-penduduk Kampong Pantai Senok dan juga peserta Rancangan Penempatan Nelayan, Kandis yang telah bekerjasama untuk kajian ini.

Akhir sekali, setinggi-tinggi ucapan terima kasih diberikan kepada kedua ibu-bapa dan mertua saya di atas sokongan moral dan kewangan. Dan ucapan yang tidak ternilai untuk keluarga saya sendiri iaitu isteri saya, Mama serta anak-anak Midya, Khairin, Saifuz dan Arthila yang sentiasa ditinggalkan demi mencapai cita-cita ini.

Jabatan Perancang Bandar & Wilayah
Institut Teknologi Mara,
Shah Alam, Selangor.

April, 1985.

(Ismail Bin Daud)

KANDUNGAN

MUKA SURAT

KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI PELAN	xiii
SENARAI FOTO	xiv
BAB PERTAMA	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Matlamat	5
1.3 Objektif	6
1.4 Cara pengumpulan Data dan Maklumat	7
1.5 Proses Data	8
1.6 Bidang Kajian	8
BAB KEDUA	
(Bahagian A)	
2.0 Pengenalan	14
2.0.1 : Kawasan kajian : Kampung Asal	15
2.1 Struktur Perkampungan	16
2.2 Bentuk Penempatan Nelayan	16
2.2.1 : Penempatan Berkelompok	16
2.2.2 : Penempatan Bertaburan	17

1.0 Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Kajian ini dijalankan berasaskan kepada kemunduran taraf penghidupan yang terdapat di kalangan nelayan yang tinggal di luar bandar khususnya kaum nelayan bumiputra. Mereka-mereka ini adalah terdiri daripada golongan pekerja yang menjadi nelayan, iaitu awak-awak¹ kepada taukeh atau lain-lain tuannya bot, sebagai pekerja upahan. Selain daripada pekerja-pekerja ini terdapat juga para nelayan yang bekerja sendiri dengan hanya menggunakan pancing dan rawai².

Di Semenanjung Malaysia, kira-kira 54.9% daripada ketua isirumah nelayan merupakan pekerja-pekerja upahan iaitu sebagai awak-awak, 43.9% bekerja sendiri dan 1.2% terdiri daripada mereka-mereka yang bekerja dalam jenis lain iaitu mereka-mereka ini adalah terdiri dari tuannya bot yang tidak bekerja sendiri³.

Kadar keseluruhan nelayan di Semenanjung Malaysia 48,000 orang. Daripada jumlah ini 68% atau 15,800 ada terdapat di Pantai Timor Semenanjung Malaysia. 35% daripada jumlah ini adalah terdiri daripada yang berpendapatan isirumah kurang daripada \$150.00

-
1. Nelayan upahan yang tidak mahir - orang suruhan di atas bot.
 2. Alatan tradisional yang digunakan oleh para nelayan pantai. Menangkap ikan cara ini dilakukan secara bersendirian atau berdua.
 3. Advance tabulation Census of Agriculture, 1980, Department of Statistics.